

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7357

SOALAN:

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah Kad Pengenalan palsu serta Kad Pengenalan diambil secara tidak sah. Adakah Kerajaan berhasrat untuk membatalkan semua Kad Pengenalan dan mengeluarkan semula, khususnya memandangkan kes-kes mengancam keselamatan rakyat yang telah berlaku di Pantai Timur Sabah pada tahun 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah melaksanakan beberapa penambahbaikan untuk menangani masalah pemalsuan kad pengenalan. Antaranya ialah dengan memperkenalkan Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) Struktur Baru mulai 03 Januari 2012 yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih terjamin dan boleh mencegah pemalsuan kad. Antara ciri-ciri keselamatan MyKad Struktur Baru adalah seperti berikut:

- i. Kad tersebut diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf serta mempunyai kualiti yang lebih tinggi;
- ii. Cip MyKad Struktur Baru telah melalui beberapa peringkat pengujian termasuklah sebelum proses memasukkan cip ke dalam MyKad; dan
- iii. Nombor siri cip juga menggunakan nombor yang unik agar tidak mudah untuk dipalsukan;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini masih belum terdapat kes pemalsuan kad pengenalan yang melibatkan MyKad Struktur Baru.

Tindakan yang dilaksanakan oleh pihak JPN ke atas pengeluaran kad pengenalan palsu adalah melupuskan kad tersebut setelah prosiding pendakwaan selesai dilakukan. Bagi kesalahan yang melibatkan penggunaan kad pengenalan palsu, mereka boleh didakwa di bawah Subperaturan 25(1)(e), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali.